

15 MAY 2001

INDIA-KREDIT

INDIA TAWARKAN KEMUDAHAN KREDIT BERNILAI AS\$50 JUTA KEPADA M'SIA

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Kerajaan India telah mengambil keputusan untuk menawarkan kemudahan kredit bernilai AS\$50 juga bagi import barangan perusahaan dan projek ke Malaysia dari India.

Ketika mengumumkan ini hari ini, Perdana Menteri India, Atal Bihari Vajpayee yang sedang dalam lawatannya ke negara ini berkata, ini akan membantu sasaran mereka untuk menggandakan dagangan dua hala dalam tiga tahun akan datang.

"Jika matlamat besar untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan hendak dicapai, apa yang kita perlukan adalah kaitan rapat di antara kedua-dua kerajaan kita dan pertumbuhan-pertumbuhan perniagaan kita," katanya dalam uaputamanya pada Forum Perniagaan Malaysia-India bertema: "Mempertingkatkan Perkongsian Malaysia-India: Wawasan Bersama bagi Abad Ke-21" anjuran Institut Kepimpinan Strategik Asia.

Majlis tersebut juga dihadiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Vajpayee berkata walaupun Malaysia merupakan pelabur kelapan terbesar di India, namun daripada segi kelulusan, pelaburan sebenar masih lagi hanya kira-kira AS\$50 juta.

"Ini merupakan nisbah sebenar yang kurang daripada 4.0 peratus. Vajpayee menggesa ahli-ahli perniagaan Malaysia supaya memanfaatkan lebih banyak peluang pelaburan yang ada di India.

Vajpayee berkata, syarikat-syarikat Malaysia harus merebut peluang untuk mengambil bahagian dengan lebih cergas dalam program pembangunan prasarana yang berskala besar seperti projek pembangunan lebuhraya negara, yang bertujuan menghubungkan seluruh pelusuk negara itu dengan koridor Timur, Barat, Utara dan Selatan.

Menyentuh tentang teknologi maklumat, beliau berkata, lebih banyak syarikat India berminat untuk menempatkan pusat-pusat pembangunan mereka di Malaysia.

Bagaimanapun, katanya, mereka mahu terlibat secara langsung, bukan sebagai kontraktor kecil, bagi menyediakan rumusan perisian untuk pelbagai keperluan ekonomi Malaysia yang sedang berkembang pesat.

"Ini akan menghasilkan penjimatan besar bagi Malaysia dan mempamerkan faedah kerjasama Selatan-Selatan walaupun dalam ekonomi baru. Peluang-peluang begini akan juga membantu perniagaan IT di kedua-dua negara kita bagi mengurangkan kesan-kesan buruk kelembapan ekonomi di negara-negara maju pada masa ini," katanya.

Pada masa ini, terdapat kira-kira 14 syarikat India yang telahpun beroperasi di Koridor Raya Multimedia (MSC).

Vajpayee juga berkata bahawa tenaga merupakan satu lagi bidang yang menjanjikan masa depan yang cerah bagi perkongsian India-Malaysia yang lebih besar.

Beliau menyebut kerjasama cergas antara Perbadanan Minyak India dan Petronas dalam beberapa bidang tertentu sebagai contoh.

"Bagaimanapun, terdapat potensi besar bagi memperluaskan kerjasama ini bagi meliputi keseluruhan perniagaan hidrokarbon, termasuk penceburan negara ketiga, katanya.

Bagi minyak sawit, katanya, kerajaan India telahpun menjelaskan keputusan mereka mengenai tarif import yang telah ditentukan selaras dengan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

"Sepertimana Malaysia perlu melindungi ladang-ladang sawitnya daripada

kejatuhan harga, kami juga perlu menjaga kepentingan petani-petani kami yang mengalami masalah yang serupa," katanya.

Vajpayee berkata, berpandukan pertimbangan untuk memperkukuhkan perpaduan dengan rakan-rakan Aseannya, "Kami kini telah mengambil keputusan untuk mengkaji semula cukai import ke atas minyak sawit mentah."

"Kami akan melakukannya dengan cara yang akan memelihara kepentingan petani-petani kami tetapi di samping itu juga mempermudah import minyak sawit mentah Malaysia bagi kilang-kilang penapisan kami yang kurang digunakan.

Dalam ucapannya, Vajpayee juga meminta Kementerian Kesihatan mempermudah pendaftaran produk Ayurveda kerana India mempunyai industri ubat-ubatan yang sangat maju.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr) Mahathir akan bersetuju dengan saya bahawa penjagaan kesihatan menawarkan banyak peluang bagi perkongsian yang berhasil di antara kedua-dua negara," katanya.

Beliau juga berkata bahawa Malaysia akan menjadi laluan kepada penduduk Asean seramai kira-kira 500 juta penduduk untuk India, sepertimana India menawarkan pasaran pantas berkembang yang merangkumi satu bilion orang kepada Asean.

"Hari ini, Malaysia adalah rakan perdagangan kami yang terbesar dalam Asean, dengan perolehan bernilai AS\$2.5 bilion," katanya.

Beliau juga berkata India sanggup berkongsi kepakarannya dalam aplikasi damai penyelidikan angkasa dengan Malaysia dan negara-negara membangun yang lain. -- BERNAMA

RV MR KTC KY OS